# Tindakan EU, AS bolot vaksin jejas usaha Malaysia percepat imunisasi

Oleh Rafidah Mat Ruzki dan Zanariah Abd Mutalib - Jun 21, 2021 @ 3:33pm
bhnews@bh.com.my

14

Tindakan EU, AS bolot vaksin jejas usaha Malaysia percepat ...

KUALA LUMPUR: Tindakan negara kaya seperti Kesatuan Eropah (EU) dan Amerika Syarikat (AS) membolot bekalan vaksin COVID-19, menyebabkan negara lain termasuk Malaysia lambat menerima bekalan itu hingga menjejaskan usaha mempercepat kadar vaksinasi kepada penduduk.

Susulan itu, Menteri Penyelaras Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK), Khairy Jamaluddin, berkata adalah tidak adil untuk membandingkan kadar vaksinasi di negara ini dengan negara berkenaan yang membeli sejumlah besar vaksin pada peringkat awal secara pukal.

"Sebagai contoh, Hungary adalah sebahagian daripada EU dan EU berunding dengan pembekal vaksin secara pukal dengan kuasa beli mereka, selain kilang mengeluarkan vaksin juga ada di Eropah.

"Jadi, mereka membolot vaksin lebih awal lagi, sedangkan negara di Asia termasuk Jepun yang sudah maju pun sangat terkebelakang berbanding Eropah, AS, United Kingdom dan Kanada, serta negara Amerika Selatan yang menerima banyak bantuan daripada AS," katanya pada sidang media perkembangan PICK di Putrajaya, hari ini

DISYORKAN UNTUK ANDA

- Kadar vaksinasi dos pertama

TERKINI PILIHAN PEMBACA

- 3m 104 kes kompaun ingkar SOP di Gerik
- 9m 18 kontena mesin judi bernilai RM3.63 juta dirampas
- 14m Itali tak wajibkan pelitup muka bermula 28 Jun
- 15m EURO: Slovakia pertaruh Dubravka jaga gawang
- 29m Juri FFM31 nilai 90 filem
- 29m Pilih calon guru berkualiti didik generasi baharu negara
- 30m Pelan Pemulihan Negara suntik pengukuhan ekonomi
- 31m MAQIS tahan makanan tambahan haiwan dari Korea Selatan

- Malaysia antara tertinggi di Asia Tenggara
- Kadar vaksinasi akan meningkat bermula Jun - Khairy
- PPV berskala besar diwujudkan di setiap negeri - KJ
- Ucapan Perdana Menteri berhubung perkembangan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan mengapa kadar vaksinasi COVID-19 di negara ini lambat, berbanding negara seperti Hungary yang boleh membenarkan puluhan ribu penonton menyaksikan perlawanan bola sepak di stadium mereka selepas sebahagian besar penduduk negara itu sudah menerima vaksin.

Khairy berkata, Malaysia mampu membuka Pusat Pemberian Vaksin (PPV) yang besar seperti di Stadium Nasional Bukit Jalil, namun bekalan vaksin perlu dipastikan mencukupi.

"Apabila saya umum (pembukaan PPV), ada yang kata (kerajaan) baru nak buka. Kalau nak buka PPV mega sedangkan bekalan vaksin tidak cukup, ia pembaziran duit dan rakyat akan marah kepada kerajaan.

"Apabila bekalan besar, barulah kita buka lebih banyak PPV dan mula meningkatkan kadar vaksinasi kita," katanya.

Khairy berkata, kadar vaksinasi di negara ini kini jauh mendahului negara jiran seperti Indonesia, Filipina, Thailand dan Vietnam.



Khairy pada sidang media perkembangan terkini Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan, hari ini.- Foto Bernama

## VAKSIN



AMERIKA 4 jam yang lepas

**Longgar sekatan perjalanan warga Kanada selesai divaksin**



NASIONAL 12 jam yang lepas

**Penerima vaksin Fasa Dua tetap diutamakan**



NASIONAL Jun 21, 2021 @ 5:43pm

**PPV Stadium Bukit Jalil beroperasi penuh seminggu lagi**



NASIONAL Jun 21, 2021 @ 5:22pm

**Vaksin CanSino satu dos guna untuk golongan pelarian**



NASIONAL Jun 21, 2021 @ 3:33pm

**Tindakan EU, AS bolot vaksin jejas**

## BERITA BERKAITAN



NASIONAL Mei 3, 2021 @ 3:37pm

['PICK ikut bekalan vaksin diterima' - Khairy]



NASIONAL Mei 5, 2021 @ 3:33pm

[Fasa tiga PICK ikut bekalan vaksin]



NASIONAL 12 jam yang lepas

[Penerima vaksin Fasa Dua tetap diutamakan]



NASIONAL Jun 1, 2021 @ 2:22pm

[Rundingan semula percepat bekalan vaksin]

Disyorkan untuk anda

Recommended by

**Malaysia, 7 great vacations that feel good and ar...**
Australia.com
Learn More

**Daihatsu tailors new cars to Malaysia and...**
Nikkei Asia

**China's Youngest Female Billionaire Sells Sydney...**
Mansion Global

**Comfort and ease: the next generation push...**
AirBra Pro™

**Your IQ Is 142 If You Get 15/20 On This General...**
TooCool2BeTrue

**Shah Alam: Get Unsold cars from 2019 For A...**
New Cars | Search Ads

**How to Reduce Your Electric Bill by Up to 90%**
Electricity Saver

**Pacific deterrence budget creates rift between Bid...**
Nikkei Asia



[usaha Malaysia percepat imunisasi]

NASIONAL Jun 21, 2021 @ 2:40pm

[3.2 juta penduduk dapat vaksin penuh Julai ini]



## TRENDING



EROPAH 15 minit yang lepas

[Itali tak wajibkan pelitup muka bermula 28 Jun]



BOLA 3 jam yang lepas

[EURO: Hamann sifatkan Ronaldo 'bodoh' tunjuk kemahiran]



BOLA 5 jam yang lepas

[EURO: Penonton ceroboh padang, iklan wang kripto]



BOLA Jun 21, 2021 @ 8:16pm

[Nike bayar Ronaldo RM845 juta]



SELEBRITI Jun 21, 2021 @ 6:09pm

[Rita nak bersara, hantar anak sekolah tahfiz]

## MYRESIPI



TIPS & PETUA Jun 21, 2021 @ 2:16pm

[Musim Durian Datang Lagi, Jom Cuba Petua Hilangkan Bau Durian & Kurangkan Panas Badan!]



RESEPI Jun 21, 2021 @ 2:15pm

[Dah Jemu Makan Roti Kosong? Jom Cuba Resepi Cucur Roti Gardenia, Rangup Di Luar Tapi Lembut Di Dalam]



TIPS & PETUA Jun 18, 2021 @ 3:12pm

[Nak Masukkan Buah Pelaga Dalam Masakan Tapi Tak Tahu Cara Yang Betul? Jom Cuba Tips Ini]



RESEPI Jun 18, 2021 @ 3:10pm

[Hanya Guna Puff Pastri, Ini Resepi Tat Telur Portugis Ala Bakers Cottage!]



TIPS & PETUA Jun 17, 2021 @ 3:16pm

[Petua Menghasilkan Kuih Bom Inti Kacang Yang Cantik & Tidak Meletup Semasa Digoreng]

IKUTI KAMI DI:



2021 © BH, New Straits Times Press (M) Bhd. A part of Media Prima Group
Redaksi Disclaimer Notis Perlindungan Data Peribadi